

04/10/1998

Tamunif dapat layanan baik dalam tahanan

KUALA LUMPUR: Bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Tamunif Mokhtar yang dibebaskan tanpa syarat Khamis lalu mengaku mendapat layanan baik sepanjang tempoh tahanan.

Ketua Umno bahagian Bandar Tun Razak itu berkata, polis memberi layanan baik kepadanya sepanjang 10 hari ditahan untuk membantu siasatan polis.

"Saya terima layanan baik, tidur cukup, makan cukup tetapi saya tidak tahu di mana saya berada. Saya juga tidak bertemu tahanan lain, termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis pelancaran Gerakan Desa Wawasan Wilayah Persekutuan, di Kampung Malaysia Tambahan, di sini, semalam.

Tamunif ditahan pada 21 September lalu, sehari selepas Anwar ditahan mengikut seksyen 73(1)(a) ISA.

Beliau bagaimanapun menafikan pernah terbabit dalam kumpulan reformasi sama ada di Dataran Merdeka mahupun Masjid Negara berikutan isu pemecatan Anwar, bulan lalu.

"Saya tidak tahu mengapa saya ditahan kerana saya tidak mengenal Anwar secara peribadi. Saya mengenalinya sebagai Timbalan Presiden Umno. Saya lebih mengenali Annuar Musa kerana dia kawan sekolah saya.

"Sepanjang tempoh tahanan, saya diberi penerangan mengenai beberapa perkara dan antara tujuh atau lapan kenyataan diberikan kepada polis. Saya yakin penahanan saya bertujuan membantu siasatan," katanya.

Tamunif menasihatkan semua ahli Umno supaya menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sentiasa bersatu demi kepentingan serta perpaduan parti.

Katanya, orang ramai tidak seharusnya terlalu negatif terhadap sesetengah isu dan hilang kepercayaan serta keyakinan terhadap media massa dan elektronik di negara ini.

Beliau juga yakin tiada konspirasi politik dalam isu pemecatan Anwar kerana segala pertuduhan mempunyai fakta dan asas sehingga menyebabkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu dihadapkan ke pengadilan.

(END)